



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.5/2022
PADA 30 MEI 2022 (ISNIN) JAM 9.30 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT...

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
 - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
 - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
 - III. YB Tuan Haji Suhaimi bin Kassim, ADUN Lenggeng;
 - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
 - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
 - VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
 - VII. YB Puan Mary Josephine Prittam Singh, ADUN Rahang
 - VIII. YB Tuan Chew She Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada llahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Majlis Mesyuarat Penuh Bil.5 yang sepatutnya diadakan pada 25 Mei 2022 yang lalu, wajar kita tangguhkan terlebih dahulu, demi menunaikan tanggungjawab kita kepada warga bandar raya Seremban yang terjeas ekoran peristiwa banjir yang melanda di beberapa kawasan sekitar Seremban. Saya yakin segala tindakan daripada Tuan-tuan dan Puan-puan dapat memberikan impak yang positif terhadap warga bandar raya.
5. Semangat dan komitmen semua Ahli Majlis, Setiausaha, Ketua Jabatan, Ketua Unit, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Seremban dalam menjayakan majlis pada pagi ini serta semua pihak dalam menyokong usaha memperkasa penyampaian dan gerak kerja warga Majlis Bandaraya Seremban amat saya hargai. **Bak kata teromba yang kuat memikul beban, yang cerdik disuruh berunding, yang bingung disuruh arah.** Terima kasih dalam memastikan segala perancangan dapat direalisasikan dengan semangat kerja berpasukan.

6. Biarpun bulan syawal bakal berakhir, namun kemeriahannya sambutan Hari Raya Aidilfitri masih lagi dapat dirasai sehingga ke hari ini dengan pelbagai majlis yang diadakan seperti ziarah raya, jamuan raya dan rumah terbuka. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kunjungan Tuan-tuan dan Puan-puan ke Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri Majlis Bandaraya Seremban tempoh hari. Cadangan untuk mengadakan Jamuan Hari Raya Aidilfitri di Wisma MBS sebelum ini dianggap sukar, tetapi kejayaan untuk Jabatan membuktikan tiada yang mustahil jika melaksanakan secara berpasukan. ***“Teamwork makes the dream work”***
7. Adanya majlis-majlis seperti ini, sememangnya dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara satu sama lain, lebih-lebih lagi dalam kalangan warga bandaraya yang berbeza agama, berbilang kaum dan budaya dapat bersama-sama berkongsi kemeriahannya dan tradisi ini kerana ianya dapat menyatukan dan menguatkan ikatan kemasyarakatan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Menurut ***Publilius Syrus*** seorang penulis dan penyair latin yang terkenal pada tahun 50 sebelum masihi telah mengungkapkan ayat ***“Where there is unity, there is always victory”***. Frasa ini menunjukkan kejayaan dalam mencapai sesuatu perkara bermula dengan semangat perpaduan dan kerjasama yang tinggi. Perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbeza agama, berbilang kaum dan budaya telah pun terbentuk sejak dari dahulu lagi menjadikan kini, kita masih dapat menikmati kehidupan dengan penuh harmoni dan sejahtera.

9. Sehubungan dengan itu, kerjasama setiap warga Majlis Bandaraya Seremban dalam melaksanakan setiap tugas yang diamanahkan, serta kerjasama daripada seluruh warga bandar raya Seremban sendiri dapat membentuk permuafakatan, perpaduan dan mengekalkan keharmonian di antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan masyarakat. Bak kata pepatah “**Bulat Air Kerana Pembentung, Bulat Manusia Kerana Muafakat**
10. Dalam mendepani cabaran era globalisasi ini, Majlis Bandaraya Seremban perlu sentiasa melaksanakan peranan yang lebih besar dalam menyediakan kualiti perkhidmatan perbandaran yang terbaik dalam kawasan lokaliti.
11. Majlis Bandaraya Seremban, hendaklah sentiasa berdaya saing dan mampu mentadbir kawasan lokaliti dengan baik. Keupayaan untuk merancang, membina dan menyelenggara infrastruktur dan kemudahan awam dalam kawasan pentadbiran dapat meningkatkan sosio-ekonomi setempat sekaligus membantu mewujudkan Malaysia yang makmur.
12. Pada masa yang sama, keperluan untuk memastikan keseimbangan antara pembangunan dan kemampunan persekitaran juga perlu diutamakan. Oleh itu, pandangan dan suara komuniti juga perlu diambil kira dalam pembangunan sesebuah kawasan secara inklusif. Justeru, kemampuan MBS untuk menguruskan tanggungjawab ini akan membentuk imej MBS sebagai penyedia perkhidmatan yang terbaik dan memenuhi ekspektasi komuniti sesebuah lokaliti.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PEMBERSIHAN & KESIHATAN PERSEKITARAN

13. Sehingga minggu ke 18 pada tahun 2022 ini, sebanyak 319 kes demam denggi dan 1 kes kematian yang dilaporkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah. Sehubungan dengan itu, Majlis Bandaraya Seremban telah menjalankan aktiviti kawalan fogging sebanyak 20,842 buah premis, ULV di 33,198 buah premis, larvaciding di 23 lokaliti, source reduction di 23 lokaliti dan gotong royong di 32 buah taman perumahan. Manakala aktiviti sanitasi dan disinfeksi sehingga 30 April 2022 telah meningkat berbanding bulan-bulan lalu iaitu sebanyak 172 sanitasi dan 196 disinfeksi.

14. Selain itu, bagi tanah perkuburan yang dikelola oleh MBS sehingga 16 Mei 2022, laporan terkini Tanah Perkuburan Islam Ainsdale, telah menempatkan sebanyak 219 kematian biasa dan 497 kematian covid-19 direkodkan. Seterusnya bagi Tanah Perkuburan Kristian Sendayan pula, sebanyak 124 kematian biasa dan 23 kematian covid-19 direkodkan. Bagi Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2, sebanyak 80 kematian biasa direkodkan. Manakala, Tanah Perkuburan Islam Nilai yang telah dibuka sejak 15 April 2022, buat masa ini sehingga 16 Mei 2022, masih tiada jenazah dikebumikan di tanah perkuburan tersebut.

KEMPEN MENGGUNAKAN BEG PLASTIK BIO DEGRADASI

15. Pada 20 April 2022, satu sesi lawatan saya bersama Ahli-ahli Majlis, Tuan Setiausaha, Ketua-ketua Jabatan dan Ketua Unit MBS telah diadakan di Bazar Ramadhan Bandar Baru Nilai bertujuan bagi mempromosikan Kempen Beg Plastik Bio Degradasi. Kempen ini bertujuan untuk beramah mesra bersama peniaga dan dalam masa yang sama memberi kesedaran dan pengetahuan kepada peniaga-peniaga bazar mengenai kesan negatif kepada alam sekitar apabila menggunakan plastik yang bukan jenis Bio Degradasi.
16. Manakala, pada 27 April 2022, telah diadakan satu Operasi Bersepadu Bazar Aidilfitri di Dataran Senawang. Operasi ini turut melibatkan agensi Majlis Keselamatan Negara Negeri Sembilan, Ibu Pejabat Polis Daerah Seremban, Pejabat Kesihatan Daerah Seremban dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sembilan bagi memantau pengoperasian bazar Aidilfitri di lokasi tersebut.
17. Selain itu, satu program perkongsian mengenai kempen Seremban Bebas Plastik telah diadakan di Dewan Serbaguna, Taman Mantau Indah 3 pada 15 Mei 2022 bersempena Program Kongsi Raya DUN Bukit Kepayang 2022 di bawah kendalian YB Nicole Tan Lee Koon, ADUN Bukit Kepayang. Turut hadir pada program tersebut adalah YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah.

18. Dimaklumkan cadangan pengurangan Deposit Hiburan Awam khusus untuk muzik jalanan/ buskers di dalam kawasan Majlis Bandaraya Seremban telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan yang bersidang pada 6 April 2022 (melalui kertas mesyuarat no: 885/2022) dengan pengurangan kadar kepada RM300.00 sahaja. Majlis Bandaraya Seremban diminta untuk mewartakan kadar pengurangan ini untuk makluman orang awam.

Sumber: Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekutuan

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

EDARAN NOTIS E DAN BIL CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGGAL 2/2022

19. Notis E telah mula diedarkan pada 27 April 2022 yang lalu. Bil Cukai Taksiran bagi penggal 2/2022 akan mula diprosess pada 4 Jun 2022. Bagi Operasi Kaunter Bergerak kutipan Cukai Taksiran telah diadakan di 32 lokasi sekitar kawasan Seremban dan jumlah hasil kutipan mulai 8 Januari 2022 sehingga 21 Mei 2022 adalah sebanyak RM106,413.20. Manakala, Kaunter Bergerak bagi sewa gerai dan pasa diadakan di 12 lokasi terpilih bermula 11 Januari 2022 sehingga 20 Mei 2022 dan berhasil meraih kutipan sebanyak RM224,154.05.

LAWATAN KE PREMIS BERTUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN YANG TINGGI

20. Lawatan telah diadakan bermula pada 27.01.2022 hingga 19 Mei 2022 di 25 buah premis mengikut kategori Cold Case, firma/syarikat, hotel, kilang, persatuan, pasaraya dan pemaju. Setakat 19 Mei 2022, masih tiada kutipan diterima semasa lawatan tersebut. Jumlah keseluruhan tunggakan Cukai Taksiran premis tersebut adalah RM876,661,17.

PENYEDIAAN KIOSK BAYARAN LAYAN DIRI DI MAJLIS

21. Untuk maklumat, mesin kiosk bayaran layan diri telah mula beroperasi pada 26 Januari 2022. Bayaran yang diterima di kiosk adalah Cukai Taksiran, sewa dan kompaun. Jumlah kutipan bayaran yang diterima setakat 20 Mei 2022 adalah RM 282,764.26.

KEMPEN CABUTAN BERTUAH BAYARAN SECARA ATAS TALIAN SEHINGGA 30 JUN 2023.

22. Kempen cabutan bertuah ini bermula pada 1 Julai 2022 dan akan tamat pada 31 Disember 2022. Kempen ini diadakan khusus kepada seluruh pemilik harta di Majlis Bandaraya Seremban sebagai insentif dan galakan supaya membayar Cukai Taksiran secara online dan menjelaskan tunggakan dengan kadar segera. Syarat penyertaan bagi pemilik harta yang ingin menyertai kempen ini adalah mereka perlu membuat pembayaran secara online dengan bayaran terdahulu sehingga 30 Jun 2023 (Penggal 1/2023)

Sumber: Jabatan Kewangan

PELAPORAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN PELANCONGAN

BAZAR AIDILFITRI DAN KRAF 2022

23. Pada 25-27 April yang lalu telah diadakan program Bazar Aidilfitri dan Kraf 2022 bertempat di lobi, Wisma MBS. Program ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Hj Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Program dengan usaha sama ANUALAE MBS, Kelab Sukan MBS dan BAKI MBS berkonsepkan jualan produk tempatan, barang persiapan aidilfitri dan jualan kraftangan. Seramai 24 peniaga telah mengambil bahagian dalam program ini dan turut disertai oleh Pertubuhan Ibu Tunggal Gemilang Darul Khusus yang merupakan pertubuhan yang membantu ibu-ibu tunggal. Sebanyak RM47,857.00 jualan berjaya dihasilkan sepanjang 3 hari program berlangsung. Pelaksanaan program ini juga turut membantu peniaga-peniaga tempatan untuk kembali pulih akibat daripada wabak covid 19 yang melanda Negara lalu.

Sumber: Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan

PELAPORAN JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
NOTIS KENYATAAN PINDAAN SENARAI NILAIAN PENGGAL
2/2022

24. Pihak majlis telah mencetak 11,967 notis Kenyataan Pindaan Senarai Nilaian (KPSN) pada 18 April 2022 dan 6 Mei 2022. Notis-notis tersebut telah dihantar dan diposkan ke alamat surat-menyurat pemilik harta. Daripada keseluruhan 11,967 harta tersebut, sebanyak 4,144 harta adalah kali pertama dikenakan cukai taksiran. Selain itu, sebanyak 7,659 harta pula adalah harta-harta telah dicukaikan dan perlu dipinda dan baki 164 harta adalah harta yang diambil tindakan tidak aktif cukai taksiran.
25. Sebanyak 4,144 harta yang kali pertama dikenakan Cukai Taksiran, sebanyak 4,031 harta adalah melibatkan lot-lot tanah kosong yang telah dibuat pecahan lot daripada lot asal. Selain itu, sebanyak 113 harta-harta berbangunan yang kali pertama dikenakan cukai taksiran. Dianggarkan pertambahan hasil cukai sebelum bantahan adalah sebanyak RM791,044.00 setahun.
26. Bagi 7,659 harta sedia ada yang telah dikenakan Cukai Taksiran, sebanyak 5,239 harta adalah harta-harta yang telah melaksanakan tambahan dan ubahsuai bangunan yang terlibat dengan pemutihan. Manakala 2,402 harta adalah harta yang dipinda Cukai Taksiran daripada tanah kosong kepada Cukai Taksiran tanah berbangunan susulan pengeluaran Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC). Dianggarkan pertambahan hasil cukai sebelum bantahan adalah sebanyak RM1.5 Juta setahun.

27. Dianggarkan pertambahan hasil Cukai Taksiran bagi keseluruhan bagi pindaan Senarai Nilaian sebelum bantahan pada kali ini adalah RM2.2 Juta setahun.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

**KEJADIAN KERETA TERBABAS MELANGGAR TEMBOK BATU
PENGHADANG DI TINGKAT 9 TERMINAL ONE SEREMBAN**

28. Pada hari Isnin, 16 Mei 2022, lebih kurang jam 4.30 petang sebuah kereta perodua Myvi terbabas di Tingkat 9 Terminal One Seremban dan telah melanggar tembok batu. Akibat pelanggaran itu tembok batu penghadang telah pecah dan jatuh ke tangga dan di lantai bawah Terminal One, mengakibatkan kerosakan gerai Majlis yang disewa oleh Kulit Klasik. Bongkah batu yang jatuh di bumbung kedai telah menimpa pekerja wanita dan mengakibatkan kecederaan pada bahagian tangan, kepala, pinggang dan anggota tubuh badan yang lain. Mangsa telah dibawa dengan ambulan ke hospital Seremban untuk rawatan lanjut.
29. Kakitangan dari Jabatan Penilaian dan Hartanah yang bertugas telah menghubungi Pihak Polis dan Bomba untuk mendapatkan bantuan. Pihak polis yang tiba menemukan beberapa dokumen milik suspek dan sedang berusaha mengesan pemilik dan pemandu kereta yang telah melarikan diri sejurus kejadian berlaku.

30. Manakala pihak Bomba telah berusaha membantu membersihkan batu besar yang menimpa gerai dan juga membantu untuk mengeluarkan kereta tersangkut di tingkat 9. Namun menghadapi sedikit kesukaran dimana bumbung Terminal One yang rendah menyukarkan lori tunda untuk naik.
31. Laporan polis akan dibuat oleh penyelia Jabatan Penilaian dan Hartanah, seterusnya menyerahkan kes ini untuk siasatan dan tindakan pihak-pihak yang berkenaan. Jabatan Penilaian dan Hartanah telah mengambil tindakan pembersihan ke atas premis dan kesan pecahan batu-batu kawasan sekitar yang terjejas sejurus mangsa dibawa keluar.

Sumber: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

INTERGRITI

32. Seperti semua sedia maklum, rasuah merupakan isu yang perlu ditangani secara sistematik dan menyeluruh. Rasuah bukan semata-mata kesalahan undang-undang, tetapi juga kesalahan sosial yang boleh menjaskan imej Majlis Bandaraya Seremban.
33. Penjawat awam lebih mudah terdedah dengan risiko rasuah, khususnya bagi mereka yang terlibat dalam pelaksanaan keputusan. Hal ini secara tidak langsung menjadi salah satu sebab mengapa orang awam mudah untuk membuat tanggapan negatif kepada penjawat awam dan sering dikaitkan dengan isu-isu salah guna kuasa dan pengambilan rasuah.

34. Harus diingatkan, kesan yang ditinggalkan oleh rasuah adalah sangat buruk kepada imej penjawat awam dan secara tidak langsung memberi kesan kepada organisasi itu sendiri. Saya menyeru kepada Warga Bandaraya Seremban supaya tidak terlibat dengan perkara negatif ini, kerana ianya boleh mencemarkan imej Majlis Bandaraya Seremban.
35. Justeru, pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban amat memandang serius terhadap isu rasuah ini dan tindakan tegas akan diambil sekiranya mendapati ada dikalangan warga MBS ditangkap kerana disyaki terlibat dengan gejala rasuah ini.

Sumber: Unit Integriti

GOTONG ROYONG PADANG NUSARI BAYU

36. Pada 17 Mei 2022, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan program gotong royong di Padang Nusari Bayu, Sendayan. Program ini turut melibatkan warga Majlis Bandaraya Seremban baharu yang terdiri daripada pelbagai jabatan dan unit ini diadakan bagi memupuk rasa tanggungjawab dan prihatin terhadap Majlis Bandaraya Seremban serta mengeratkan lagi ukhwah antara warga kerja baharu dengan lama selain bekerjasama membersihkan kawasan persekitaran.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat

PENUTUP

YBhg. Dato' Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

37. Saya berharap warga kerja Majlis Bandaraya Seremban sentiasa menumpukan usaha dan bertanggungjawab dalam memajukan dan menambahbaik Bandaraya Seremban untuk membawa manfaat kepada masyarakat. Insya Allah, suatu masa nanti bandar raya Seremban mampu menyediakan perkhidmatan pintar yang efisien, berkualiti dan telus bagi memastikan warga bandaraya Seremban menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera. Malah ia boleh menjadi contoh dan model bandar yang sejahtera untuk didiami, bekerja, belajar dan untuk beriadah pada tahap global seterusnya membawa komuniti yang berdaya maju yang mempunyai prasarana yang mesra pelabur dan seterusnya membawa bandar ini lebih maju pada masa akan datang.

38. Akhir kata, semoga segala usaha kita dalam memajukan dan menambahbaik Bandaraya Seremban untuk membawa manfaat kepada warga bandar raya terus dipermudahkan dan memperolehi pencapaian Bandar Raya Pintar Yang Mampan, Bersih dan Berdaya Maju.

Sekian, Terima Kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
30 MEI 2022**